

إنما  
يُنْهَا  
اللَّهُ  
مِنْ  
عِبَادَتِهِ  
الْعِلْمُ

Volume 17, No. 3 2020

# JOURNAL OF

# *Islam in Asia*

A Refereed International Biannual Arabic - English Journal

JOURNAL OF  
*Islam in Asia*

Volume 17, No. 3, 2020

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

**SPECIAL ISSUE: FAMILY FIQH ISSUES IN MALAYSIA**

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA



# ***Journal of Islam in Asia***

Special Issue: Family Fiqh Issues in Malaysia 2020

## **EDITOR-in-CHIEF**

Mohammed Farid Ali al-Fijawi

## **ASSOCIATE EDITOR**

Homam Altabaa

## **GUEST EDITORS**

Sayed Sikandar Shah & Mek Wok Mahmud  
(Fiqh & Usul al-Fiqh, KIRKHS, IIUM)

Raudlotul Firdaus Fatah Yasin  
(Qur'an & Sunnah Studies, KIRKHS, IIUM)

## **EDITORIAL ASSISTANT**

Kamel Ouinez

---

## **EDITORIAL ADVISORY BOARD**

---

### **LOCAL MEMBERS**

Abdel Aziz Berghout (IIUM)  
Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)  
Nadzrah Ahmad (IIUM)  
Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)  
Sayed Sikandar Shah (IIUM)  
Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)  
Thameem Ushama (IIUM)

### **INTERNATIONAL MEMBERS**

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)  
Abu Bakr Rafique (Bangladesh)  
Anis Ahmad (Pakistan)  
Fikret Karcic (Bosnia)  
Muhammad Al-Zuhayli (UAE)  
Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

♥ 2020 by **International Islamic University Malaysia**

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.*

## ***Maqaṣid Al-‘Adl (Keadilan) Dalam Isu Tuntutan Harta Sepencarian di Malaysia***

### **The Objective of Fairness (*al-‘Adl*) in The Matrimonial Property Conflict in Malaysia**

Ahmad Akram Mahmad Robbi\*, and Mek Wok Mahmud\*\*

#### **Abstrak**

Harta sepencarian ialah amalan yang diwarisi daripada adat Melayu secara turun temurun. Bahkan, amalan ini telah diangkat sebagai undang-undang yang sah dan berkuat kuasa dalam perundangan Islam di Malaysia. Amalan ini saban hari terus diperlakukan di Mahkamah Syariah seluruh negara. Pun begitu, dalam pengamalan harta sepencarian di negara ini, timbul satu persoalan mengenai standard penetapan pembahagian hak dalam harta yang dituntut oleh pihak-pihak yang bertelingkah. Persoalan mengenai prinsip keadilan yang diterapkan semasa proses penetapan pembahagian harta sepencarian cuba dibangkitkan dalam artikel ini. Berdasarkan metode analisis dan kritikan terhadap beberapa isu yang berbangkit, artikel ini memberikan penekanan secara khusus akan penetapan nilai keadilan semasa proses pembahagian hak dalam harta sepencarian. Dengan itu, objektif di sebalik perlaksanaan harta sepencarian iaitu memelihara hak-hak wanita, kebajikan keluarga dapat diimbangkan dengan maslahah lain seperti menjaga keharmonian keluarga secara berterusan dan reda-meredai.

**Kata Kunci:** Harta sepencarian, adat, Mahkamah Syariah, keadilan, maslahah.

---

\* Calon PhD, Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Univervisiti Islam Antarabangsa Malaysia. Email: akramrobbi@gmail.com

\*\* Professor Madya, Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Univervisiti Islam Antarabangsa Malaysia. Email: mekwok@iium.edu.my

### Abstract

Matrimonial property is one of the practices come from Malaysian traditional practices. It has been recognized as a legal jurisdiction and enforced in Malaysian legal system. This tradition has been practiced in *Syariah* Courts in Malaysia. However, throughout the practices, there is an issue has prompted regarding the standard that been used in partition processes in the matrimonial property. This article questions an issue regarding the principle of fairness that being used while the partition event in the matrimonial property. This article relies upon analysis and critical study to specifically focus on the principle of justice while the partition event of the matrimonial property. Thus, the objective of the matrimonial property practices as it guarantees women rights can be balanced and in line with other benefits such as to ensure the family is in harmony constantly.

**Keywords:** Matrimonial property, tradition, Syariah Court, fairness, benefits.

### Pendahuluan

Dalam perundangan hukum Islam, setiap ijтиhad atau fatwa yang dikeluarkan perlu berlandaskan disiplin Maqasid Syariah agar keputusan yang terhasil daripada proses istinbat bertepatan dengan piawaian yang ditetapkan oleh pemilik perundangan Islam. Oleh itu, dalam usaha memastikan piawaian tersebut dicapai, institusi yang berautoriti perlu memainkan peranan penting.

Salah satu piawaian Maqasid Syariah dalam perundangan ialah menitik beratkan soal nilai keadilan dalam ijтиhad dan fatwa agar pihak-pihak yang terlibat merasai maslahah yang diperuntukkan dalam hukum syarak. Sekiranya perkara sebaliknya terjadi, maka umat manusia turut merasai tempias mafsadah akibat daripada ijтиhad atau fatwa yang tidak berlandaskan nilai keadilan. Justeru, untuk mengekalkan kebaikan dalam norma kehidupan masyarakat Islam di Malaysia, menetapi piawaian agama di samping tidak memberi kemudaratannya kepada mereka dengan pendekatan kaedah maslahah perlu diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang berautoriti (Ahmad Akram Mahmad Robbi, et.al, 2019, 3).

Memandangkan amalan harta sepencarian yang diwarisi daripada adat masyarakat Melayu Nusantara, kemudian diangkat sebagai sebuah perundangan yang sah dalam negara, maka amalan ini harta sepencarian

ini juga tidak terkecuali daripada penilaian prinsip keadilan dalam syariat.

Dalam isu penetapan kadar hak pihak-pihak yang menuntut harta sepencarian, terdapat satu isu yang boleh dibangkitkan. Isu yang dimaksudkan ialah sejauh mana proses penetapan pembahagian harta sepencarian tersebut bertepatan dengan nilai keadilan yang disarankan oleh syariat. Hal ini kerana, penekanan terhadap nilai keadilan dalam isu harta sepencarian mampu menjamin hak-hak individu yang selayaknya dimiliki dan mengambil kira keadaan semasa pihak-pihak yang menuntut. Oleh itu, penulisan ini merupakan idea dalam mengetengahkan nilai keadilan yang dituntut syarak dalam hal-hal berkaitan harta sepencarian di Malaysia.

Justeru itu, walaupun amalan harta sepencarian diwarisi daripada adat dan amalan masyarakat terdahulu, penilaian konsistensi amalan tersebut dengan nilai keadilan yang menjadi tunggak syariat Islam semenjak ia diturunkan kepada umat manusia. Dengan meletakkan nilai keadilan sebagai nilai utama dalam ijtihad atau fatwa, ia mampu menyumbang dalam membina masyarakat yang hidup dalam suasana harmoni di bawah teduhan syariat Islam.

### **Definisi Harta Sepencarian**

Meskipun perbincangan harta sepencarian tidak dinyatakan secara khusus dalam khazanah fiqh yang ditulis oleh para sarjana silam secara khusus, namun perbincangan ini memiliki kedudukan khusus dalam perundangan Islam di Malaysia dan menjadi amalan turun temurun.

Oleh itu, harta sepencarian telah didefinisikan mengikut acuan fiqh Nusantara, sesuai dengan pemakaian hukum tersebut di negara ini. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam pendefinisian dalam kalangan ahli perundangan, namun perbezaan tersebut tidak menjelaskan maksud utama bagi pensyariatan hukum tersebut.

Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan seorang suami dengan isterinya, hasil daripada sumber-sumber atau usaha mereka bersama (Mukhtar Abdullah, 2014: 1).

Menurut Seksyen 2, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama oleh suami dan isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentutkan oleh hukum syarak.

Selain itu, Hakim Briggs telah putuskan dalam kes *Hajjah Lijah binti Jamal lawan Fatimah binti Mat Diah* bahawa harta sepencarian difahami sebagai harta yang diperolehi semasa perkahwinan antara suami dan isteri, hasil daripada sumber-sumber mereka atau hasil daripada usaha mereka bersama (MLJ 63, 1950).

Manakala, bentuk harta yang diusahakan tidak terhad kepada harta-harta berbentuk alih. Secara umumnya, harta sepencarian dianggap sebagai sebarang harta alih atau tidak alih yang diperolehi bersama oleh suami dan isteri daripada usaha dan sumbangan bersama dalam masa perkahwinan mereka masih berjalan dan berkuat kuasa (Zaleha Kamaruddin, 2003, 86).

Berdasarkan pengertian yang diberikan, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diperhatikan dalam pengamalan harta sepencarian.

1. Bidang kuasa mahkamah: Menurut Seksyen 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, mahkamah adalah mempunyai kuasa bidang membernarkan lafadz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka, atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka, atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

Berdasarkan peruntukan undang-undang, hanya mahkamah yang memutuskan perceraian berbidangkuasakan mendengar kes tuntutan harta sepencarian.

Dalam kes *Ahmad Fikri bin Ali Hanafiah lawan Fauziah binti Khamis*, Mahkamah Rayuan Syariah secara sebulat suara memutuskan tuntutan harta sepencarian yang pernah dibuat oleh defendant di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka terbatal disebabkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka tidak berbidangkan kuasa untuk mendengar kes tersebut (JH 24 BHG 2, 2007, 219).

Walaubagaimana pun, Arahan Amalan No. 14 Tahun 2006 telah memperuntukkan untuk bahawa bidangkuasa membicarakan kes poligami dan pengisytiharaan peruntukan dan pembahagian harta sepencarian boleh dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah.

2. Siapa yang berhak menuntut: Berdasarkan apa yang telah dijelaskan pada bahagian sebelumnya, harta sepencarian boleh dituntut oleh pasangan yang menghadapi kes perceraian. Namun, selain daripada kes perceraian, tuntutan harta sepencarian juga boleh dibuat oleh pasangan yang berhadapan dengan amalan poligami seperti yang telah dinyatakan di dalam Seksyen 10 (b), Enakmen No. 2 Tahun 2003, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Selain itu, Arahan Amalan No. 5 Tahun 2003 turut memperuntukkan bahawa tuntutan harta sepencarian juga boleh dibuat selepas daripada kematian mana-mana pihak.

3. Bentuk harta tuntutan: Sekiranya harta yang dituntut merupakan hasil daripada usaha sebelum perkahwinan, ini tidak termasuk ke dalam mana harta sepencarian. Dalam keadaan ini, harta sepencarian tidak boleh dituntut (Mukhtar Abdullah, 2014: 8).

4. Begitu juga sekiranya harta tersebut dikerjakan secara berasingan sewaktu tempoh perkahwinan, harta tersebut tidak dicantumkan atau disimpan di tempat yang sama, harta tersebut juga tidak boleh dikira sebagai harta sepencarian.

5. Sekiranya, harta masing-masing suami dan isteri diusahakan secara berasingan, namun hasilnya dicantum bersama dan dapat

dibezakan hak masing-masing pada harta berikut, maka suami dan isteri berhak menuntut hak mereka daripada harta tersebut.

6. Sebaliknya, sekiranya harta-harta ini (rujuk: Perkara 3 dan 4) dicantumkan dan tidak dapat dibezakan hak masing-masing dalam harta tersebut, dalam keadaan ini, harta tersebut boleh dikira sebagai harta sepencarian. Pembahagian dibuat berdasarkan apa yang dicadangkan.

Walaupun begitu, mana-mana harta yang diperoleh sebelum perkahwinan atau diperoleh dalam suatu tempoh perkahwinan yang sah secara warisan, hibah ataupun wasiat, tetapi harta tersebut berkembang dengan usaha mereka bersama atau usaha perseorangan pasangan lain, maka harta tersebut boleh dianggap sebagai harta sepencarian (Miszairi Sitiris dan Akmal Hidayah Halim, 2010, 28).

7. Sumbangan pasangan: Sumbangan pasangan sangat dititik beratkan dalam soal pembahagian harta sepencarian. Dalam kes *Norayah binti Bakar lawan Mohd Adnan bin Mohd Amin*, Hakim Tuan Mohd Shukor bin Sabudin telah memutuskan mahkamah harus meneliti dan memfokuskan kepada sumbangan pihak-pihak ini (suami dan isteri) dalam usaha menghasilkan aset-aset tersebut (JH 21 1, 2006: 87).

Dalam skop sumbangan, terdapat dua bentuk sumbangan yang boleh diambil kira:

a) sumbangan langsung seperti sumbangan kewangan dan sumbangan tenaga. Sumbangan langsung dikenali sebagai sumbangan bersama di mana kedua-dua belah pihak mempunyai sumbangan masing-masing dalam memperoleh harta (Ahmad Tarmizi Jusoh, 2019: 12).

b) sumbangan tidak langsung. Sumbangan tidak langsung termasuklah sokongan moral, membantu tugas-tugas rumah, menguruskan anak-anak, menyediakan makan minum untuk keluarga dan menjadi penghubung kepada keluarga pasangan yang boleh membantu dalam karier. (Ahmad Tarmizi Jusoh, 2019: 15).

Pemerhatian terhadap sumbangan tidak langsung pasangan sejajar dengan apa yang diperuntukkan dalam undang-undang. Pada Seksyen 2 (4), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan agar mahkamah memberi perhatian kepada takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset.

Oleh itu, sekiranya hanya satu pihak sahaja memberikan sumbangan lain, manakala satu pihak yang lain memberikan sumbangan secara tidak langsung, maka mahkama boleh putuskan hak masing-masing mengikut kadar yang munasabah (Zuhairah Ariff Abd Ghadas dan Norliah Ibrahim, 2007).

Elemen penting dalam takrif harta sepencarian ialah pemilikan harta sepanjang tempoh perkahwinan dan wujudnya elemen sumbangan dalam pemilikan harta tersebut sama ada sumbangan secara langsung atau secara tidak langsung (Mohd Hafiz Jamaludin, Mohd Norhusairi Mat Hussin dan Mohd Anuar Ramli, 2014: 76).

Berdasarkan perkara-perkara di atas, harta sepencarian difahami sebagai harta yang perlu dituntut pemilikannya. Berbeza dengan kaedah pewarisan harta yang lain seperti agihan harta pusaka menurut sistem *faraid* yang telah meletakkan pemilikan harta peninggalan kepada pihak yang sepatutnya (Luqman Abdullah dan Muhammad Ikhlas Rosele, 2019: 61).

### **Dalil Pensyariatan Harta Sepencarian**

Tidak dinyatakan dalam dalil-dalil syarak berkenaan hukum pembahagian harta sepencarian secara khusus. Pun begitu, secara umumnya, terdapat nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah yang menyentuh soal pemilikan harta secara individu.

#### **1. Al-Quran**

Dalam surah al-Nisa, disebutkan berkenaan pemilikan harta bagi setiap pihak sama ada suami atau isteri yang memiliki hak ke atas apa yang mereka usahakan. Oleh itu, daripada perspektif Islam, kaum wanita

diberikan keizinan bekerja dan berusaha untuk menikmati hasil daripada kerja tersebut di mana itu merupakan sebahagian tuntutan sosial yang utama (Husam al-Din, 2009: 45). Firman Allah SWT:

﴿ وَلَا تَشْمَنُوا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لَّرِجَالٍ نَصِيبٌ مِّمَّا  
اَكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا اَكْتَسَبْنَ وَاسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ  
كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴾

*Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (al-Nisa: 32)*

## 2. Al-Sunnah

Di dalam pengamalan sunnah Rasulullah SAW, terdapat beberapa riwayat yang menceritakan mengenai keterlibatan para sahabat Rasulullah SAW dalam kalangan wanita yang turut serta dalam usaha memiliki pendapatan bagi menyara keluarga. Sejak di zaman Rasulullah SAW lagi, golongan wanita telah memiliki kebebasan untuk bekerja, bahkan ada yang turut terlibat dalam ekspedisi peperangan bersama Rasulullah SAW (Mohammad Hashim Kamali, 2017: 131).

Daripada Asma' binti Abu Bakar (Muslim, 2009: 2182):

«كَتَ أَعْلَفَ فَرْسَهُ وَأَكْفَيَهُ مَؤْتَهُ وَأَسْوَسَهُ وَأَدْقَ النَّوْيَ لِلنَّاضِحِ  
وَأَعْلَفَهُ وَأَسْقَيَهُ الْمَاءَ، وَأَخْرَزَ غَرْبَهُ لِمَنْ أَعْجَزَ لَهُ، وَلَمْ أَكُنْ أَحْسَنَ الْخَبَزَ،

فَكَانَتْ تَخْبِزُهُ لِي جَارَتْ كَنْ مِنَ الْأَنْصَارِ، وَكَنْ نِسْوَةٌ صَدِيقَةٌ، وَكَنْتْ أَنْقَلَ النَّوْيَ مِنْ أَرْضِ الزَّبِيرِ عَلَى رَأْسِيِّ، وَهُوَ عَلَى ثَلَاثَيْ فَرْسَخٍ حَتَّى أَرْسَلَ لِي أَبُو بَكْرَ بَخَادِمٍ».

Maksudnya: *Saya berkhidmat memberikan kudanya makan, mencukupkannya dengan bekalan dan menyediakan minuman kepada untanya. Selain itu, saya juga menguli tepung untuk dijadikan roti. Namun, saya bukanlah yang terbaik dalam urusan membuat roti. Maka, jiran-jiran dalam kalangan Ansar membantu saya. Mereka merupakan wanita yang jujur. Saya membawa hasil tanaman kurma daripada kebun al-Zubair dengan jarak sejauh dua batu (daripada Kota Madinah) sehingga Abu Bakar menghantar orang suruhan kepada saya.*

Selain itu, ada dalam kalangan para sahabat wanita yang turut serta memberikan perkhidmatan sewaktu berlakunya perperangan. Al-Rubay‘ binti al-Mu‘awwidh melaporkan (Al-Bukhari, 2009: 2883):

«كَنَا نَغْزُو مَعَ النَّبِيِّ فَنَسَقَى الْقَوْمَ وَنَخْدَمُهُمْ وَنَرْدُ الْجَرْحِيِّ وَالْقَتْلِيِّ إِلَى الْمَدِينَةِ».

Maksudnya: *Dahulu, kami pernah berperang bersama Nabi Muhammad SAW. Kami berkhidmat memberikan air kepada tentera dan membawa pulang tentera yang cedera dan yang terkorban ke Madinah.*

### 3. Kaedah Usul

Walaupun teks-teks wahyu tidak mengisyaratkan secara jelas mengenai isu harta sepencarian, isu ini disokong oleh dalil-dalil bersifat umum yang menyentuh soal hak wanita dalam pemilikan harta. Di samping itu, isu ini turut disokong oleh beberapa kaedah universal syariah yang telah disusun oleh para sarjana.

### 3.1 Pemilikan wanita terhadap harta

Walaupun tidak ada perkataan harta sepencarian secara spesifik dalam hukum syarak yang terbina daripada dalil-dalil yang nyata, namun ia adalah adat Melayu yang telah diterima pakai dan mendatangkan kebaikan kepada kaum wanita (Mukhtar Abdullah, 2014: 17). Dalam kes *Noraishah bt. Ahmad lawan Omar bin Jusoh & 6 yang lain*, Hakim Dato' Hj. Hussin bin Hj. Harun menyatakan bahawa harta sepencarian merupakan adat Melayu di mana ada maslahah serta kebaikannya, khususnya kepada kaum wanita di negara ini (JH 26 BHG 1, 2005: 101). Maslahah yang berpusat kepada manfaat kepada kaum wanita adalah bukti bahawa masyarakat Melayu bersifat mesra wanita yang mana tiada adat dan tradisi yang diskriminatif dalam amalan sehari-hari (Mohd Hafiz Jamaludin, Mohd Norhusairi Mat Hussin dan Mohd Anuar Ramli, 2014, 79).

Selain itu, ini juga bukti bahawa ajaran Islam tidak merendahkan martabat wanita apabila mengiktiraf pemilikan khusus kepada golongan wanita terhadap hartanya. Dalam erti kata yang lain, wanita memiliki kuasa penuh terhadap harta hasil daripada usahanya walaupun dia telah berkahwin. Dalam perundangan Islam, seseorang wanita Islam yang berkahwin dengan seseorang lelaki, ia masih diakui mempunyai kuasa memiliki ke atas apa jua harta dan masih terus boleh memiliki harta yang diperolehnya sebelum dia berkahwin, dan juga boleh berbuat demikian setelah dia berkahwin sama ada daripada harta pusaka, pemberian hidup (hibah), usahanya sendiri dan sebagainya (Daud Muhammad, 2003, 47).

Terdapat beberapa kaedah yang menyentuh berkenaan keahlian wanita yang sah di sisi syarak dalam pemilikan harta.

1. المرأة كالرجل في الأهلية (Keahlian wanita dalam syarak seperti keahlian lelaki)
2. المرأة في مالها كالرجل (Wanita seperti lelaki pada pemilikan hartanya)
3. المرأة في ملكها كالرجل (Wanita seperti lelaki dalam keahlian pada hak miliknya)

Demikian itu, selain daripada penilaian terhadap sumbangan isteri kepada perkembangan harta suami, perlu dilihat juga hak-hak wanita dalam pemilikan harta yang diperoleh semasa tempoh perkahwinan. Hal ini kerana, penguatkuasaan tuntutan harta sepencarian adalah disebabkan oleh faktor kedua-dua pihak suami dan isteri yang telah bercerai atau salah seorang meninggal dunia tidak dapat persetujuan atau kata sepakat melalui kaedah *sulh* (Daud Muhammad, 2003, 46).

### **3.2 Adat Masyarakat**

Pembahagian harta sepencarian memang mempunyai hubung kait dengan adat yang seringkali dihubungkan sebagai kelaziman masyarakat Melayu Nusantara (Suwaid Tapah, 2003, 57). Berasaskan prinsip *relativisme budaya*, masyarakat Melayu khususnya juga mempunyai pola hubungan gender yang berbeza dari kawasan keislaman yang lain (Mohd Hafiz Jamaludin, Mohd Norhusairi Mat Hussin dan Mohd Anuar Ramli, 2014, 79). Maka, seharusnya perbincangan harta sepencarian ini perlu dilihat mengikut acuan Nusantara disebabkan keterbatasan literatur daripada negara Islam yang lain terutama dari Timur Tengah.

Dalam proses pembinaan ijтиhad atau fatwa, pengambilan adat sebagai asas hukum syarak dibenarkan selama ia tidak menyalahi hukum atau prinsip-prinsip syariah (Miszairi Sitiris dan Akmal Hidayah Halim, 2010, 29). Hal ini kerana, peruntukan al-Quran dan al-Sunnah dilihat sebagai proses pemberian terhadap undang-undang yang sudah sedia ada dalam masyarakat ketika itu. Undang-undang sedia ada ini diiktiraf melainkan jika jelas bertentangan dengan dua sumber hukum Islam (al-Quran dan al-Sunnah) (Ahmad Badri Abdullah, 2018, 18).

Memandangkan harta sepencarian ini terbina atas dasar adat sesebuah masyarakat, maka terdapat beberapa kaedah yang boleh diperbahaskan sesuai dengan pengamalan harta sepencarian di negara ini.

1. العادة الحكمة (Adat merupakan rujukan hukum)
2. المعرف عرفاً كالمشروع شرعاً (Sesuatu yang dilazimi secara uruf sama kedudukannya dengan syarat yang wajib dipatuhi)

3. استعمال الناس حجة يجب العمل بها (Pegangan manusia sebagai hujah wajib untuk diikuti)
4. المعروف بالعرف كالمعروف بالنص (Sesuatu yang diterima mengikut adat sama kedudukannya seperti mengikut nas)

Kaedah-kaedah berkenaan latar masyarakat ini menjelaskan bahawa sekiranya berlaku perselisihan antara dua pihak dalam masalah tertentu yang berkait rapat dengan adat yang diamalkan oleh mereka di mana salah satu pihak menyalahi adat, dan satu lagi pihak menepati adat, maka keputusan berpihak kepada pihak yang yang menepati adat (al-Qaralah, 2014, 145).

Selain itu, difahami apabila sesuatu adat telah diakui kebaikannya dan telah diberi pengiktirafan undang-undang, kedudukannya tidak lagi hanya sebagai adat, tetapi telah bertukar menjadi sebuah peraturan atau perundangan yang mesti diikut dan dikuatkuasakan (Mukhtar Abdullah, 2014, 16).

### **3.3 Maslahah al-Mursalah**

Walaupun istilah Maslahah al-Mursalah sangat dekat dengan pengikut mazhab Maliki, namun secara praktiknya, Maslahah al-Mursalah telah digunakan secara luas dalam lapangan fiqh sama ada dari era silam atau kontemporari. Penggunaan Maslahah al-Mursalah dapat dilihat melalui metodologi para sarjana pada pendekatan fatwa yang mereka lakukan sebagai mufti (Ahmad Akram Mahmad Robbi, Naimah Nasir, Irwan Mohd Subri, 2019, 3). Pendekatan ijtihad atau fatwa yang berpaksikan Maslahah al-Mursalah tidak lain dan tidak bukan kerana ingin menjaga Maqasid al-Shariah (Objektif Syiah) (Muallimin Mohd Syahid, 2016, 7), iaitu makna atau hikmah yang dijaga oleh pemilik agama sama ada pensyariatan berbentuk umum atau khusus demi memastikan maslahah kepada seluruh makhluk (al-Yubi, 1998).

Intipati maslahah yang ada dalam pengamalan hukum harta sepencarian ini dapat dilihat melalui nilai yang ingin diketengahkan iaitu menjaga hak-hak keistimewaan wanita. Dalam kes *Noraishah bt. Ahmad lawan Omar bin Jusoh & 6 yang lain*, Hakim Dato' Hj. Hussin bin Hj.

Harun menyatakan bahawa harta sepencarian merupakan adat Melayu di mana ada maslahah serta kebaikannya, khususnya kepada kaum wanita di negara ini (JH 26 BHG 1, 2005: 101). Pengamalan hukum harta sepencarian ini seiring dengan Maqasid al-Shariah yang menuntut agar diraikan hak-hak penjagaan harta. Seperti yang al-Ghazali ketengahkan, penjagaan hak harta juga termasuk dalam kategori *dhoruryat al-khams* yang perlu dititik beratkan (al-Ghazali, 2012).

Selain daripada mewarisi harta melalui kaedah pewarisan harta pusaka atau hibah, harta sepencarian juga merupakan salah satu cara yang tidak bercanggah dengan prinsip agama untuk menuntut hak-hak yang sepatutnya daripada harta yang diperoleh daripada kerjasama antara suami dan isteri semasa tempoh perkahwinan. Perkara ini dapat memudahkan urusan belanja isteri setelah melalui tempoh perceraian, pengurusan pendidikan anak-anak dan lain-lain (Muallimin Mohd Syahid, 2016, 7)

Selain itu, berbekalkan hasil tuntutan harta sepencarian, golongan wanita mampu untuk bergerak ke hadapan dalam merencana pengurusan kewangan dengan lebih baik. Hal ini kerana, setelah ketiadaan suami di sisi, kaum isteri perlu bergantung dengan diri sendiri dalam urusan belanja harian dan urusan kendiri. Oleh itu, sangat digalakkan agar kaum wanita melakukan perancangan kewangan dengan memiliki simpanan peribadi, melibatkan diri ke dalam dunia pelaburan dan memiliki aset-aset berkualiti. Laporan yang dikeluarkan oleh FINRA Investor Education's 2015 National Capability Study (NFCS) mendapati bahawa hanya 38% sahaja kaum wanita yang mengambil keputusan untuk membuat pelaburan (<https://www.finra.org/>). Tahap kesedaran ini perlu ditingkatkan terutama apabila kajian menjelaskan bahawa wanita lebih bijak dalam menguruskan pelaburan berbanding lelaki (majalahlabur.com).

### **Masyarakat Dan Harta Sepencarian**

Harta sepencarian merupakan sebuah perundangan yang memiliki keunikan tersendiri berbanding hukum-hukum lain yang dibincangkan

dalam perbendaharaan fiqh Islam. Apabila ditinjau dalam perbendaharaan fiqh klasik oleh ulama silam, tiada perbincangan khusus yang memperincikan persoalan harta sepencarian. Kebanyakan kitab fiqh membincangkan soal harta perkahwinan dalam konteks keterangan dengan makna yang agak terhad (Mohd Nurhusairi Mat Hussin dan Raihanah Abdullah, 2016,77). Hal ini kerana harta pencarian merupakan sebuah adat turun temurun yang diwarisi daripada Alam Melayu dan Nusantara. Dalam kes *Robert lawan Umi Kalthum*, Raja Azlan Shah telah memutuskan bahawa harta sepencarian ialah perkara yang diadaptasi daripada adat Melayu (MLJ 163, 1966).

Dalam proses interpretasi teks-teks wahyu, realiti sosial yang menjadi medan implementasi hukum diambil kira (Mohd Nurhusairi Mat Hussin dan Mohd Anuar Ramli, t.t). Pengaruh uruf dan adat sesebuah masyarakat pada tempat atau masa tertentu sudah pasti memberikan pengaruhnya terhadap cara fikir seseorang sarjana. Oleh itu, dalam kaedah usul, disebutkan bahawa tidak menjadi satu kesalahan sekiranya sesuatu hukum ijтиhad berubah disebabkan perubahan latar masa dan latar masyarakat (al-Qaralah, 2014, 157). Berdasarkan kaedah ini, sesebuah adat sama ada bersifat umum atau khusus diiktiraf sebagai sumber penetapan hukum Shara' sekiranya tidak ada teks wahyu yang menyanggahi adat tersebut (al-Zarqa, 2012: 219).

Pada asasnya, kearifan tempatan dapat difahami sebagai gagasan masyarakat setempat mengikut lokaliti berbeza yang bersifat bijaksana, mempunyai nilai baik, boleh diterima akal yang sihat dan diikuti secara umum oleh anggota masyarakatnya (Muhammad Khairul Hafiz et.al, 2019: 325).

Dalam konteks perundungan hukum di Malaysia, harta sepencarian merupakan sebuah adat warisan turun temurun berkenaan perancangan harta yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip agama. Menurut pengamalan Adat Melayu Pepatih dan Adat Temenggung, harta sepencarian dianggap sebagai peraturan daripada carian bahagi harta-harta yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan (Ahmad Tarmizi Jusoh, 2019: 3). Oleh kerana sifatnya tidak bercanggah dengan prinsip agama, maka harta sepencarian terus diguna pakai di Malaysia dan diangkat

sebagai undang-undang Islam (Taufiq Musaddad, t.th, <http://e-muamalat.islam.gov.my/>). Apa yang lebih menarik ialah amalan ini tidak hanya tertumpu kepada masyarakat Muslim sahaja, bahkan melangkaui masyarakat pribumi khususnya di Sabah dan Sarawak (Mohd Hafiz Jamaludin, Mohd Norhusairi Mat Hussin dan Mohd Anuar Ramli, 2014: 70).

### **Pengertian Maqasid Syariah**

Dalam penetapan pengertian Maqasid Syariah perlu difahami melalui dua metode. Pertama, metode ulama silam dan kedua metode ulama kontemporari. Bagi sarjana silam, mereka tidak mendefinisikan Maqasid Syariah secara khusus kerana pada ketika itu belum ada pembukuan dan pengistilahan khusus berkaitan Maqasid Syariah. Namun, setelah al-Shāṭibī muncul dalam dunia kesarjanaan, beliau menulis satu bab khusus mengenai kajian Maqasid Syariah melalui magnum opusnya *al-Muwafaqat* (2006). Secara dasarnya, *al-Muwafaqat* merupakan kitab Usul al-Fiqh seperti karya-karya lain. Namun al-Shatibi telah melakukan inovasi dengan memasukkan perbincangan Maqasid Syariah secara khusus ke dalam karyanya itu.

Sebelum kemunculan al-Shatibi, seorang sarjana bermazhab Syafie dan tokoh ulama Asha’irah, iaitu al-Ghazalī (2012) Beliau melalui magnum opusnya *al-Mustasfā* menjelaskan fungsi Maqasid Syariah dari aspek penjagaan *daruriyyāt khams* iaitu; menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta (al-Ghazali, 2012). Guru kepada al-Ghazali, al-Juwayni (1997) juga menggunakan beberapa istilah tertentu seperti *ma’ani* bagi merujuk kepada makna maqasid.

Meskipun al-Shāṭibī merupakan antara sarjana yang awal membincangkan Maqasid Syariah secara khusus dan terperinci, namun beliau bersama metode al-Ghazalī pada pendekatannya dalam menjelaskan definisi Maqasid Syariah. Al-Shāṭibī (2006) mengklasifikasikan Maqasid Syariah kepada pembahagian mengikut kelas atau tingkat maslahah seperti *darūriyyāt*, *haŷiyyāt* dan *tahsiniyyāt*.

Seiring dengan peredaran zaman dan perkembangan dunia akademik, para sarjana moden mula memberikan penekanan terhadap Maqasid Syariah dan menjadikan ilmu maqasid ini sebagai satu disiplin khusus. Buktinya, para sarjana kontemporari sudah mula menulis dan meluaskan kajian mengenai Maqasid Syariah ini menerusi pelbagai aspek dan karya sehingga ke hari ini. Rentetan daripada pembukuan satu disiplin khusus ini, maka para sarjana juga mula memberikan definisi yang pelbagai kepada ilmu maqasid.

1. Ibn 'Āshūr (2014) mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai hikmah dan segala perhatian yang dapat dilihat pada hukum-hakam yang disyariatkan pada keseluruhannya atau sebahagian besar (Mohd Rumaizuddin Ghazali, t.th).
2. Alāl al-Fāsī (2013) pula menyebutkan bahawa Maqasid Syariah merupakan rahsia-rahsia yang syarak letakkan pada setiap hukum.
3. Wahbah al-Zuhaylī (2015) telah mencantumkan definisi maqasid yang diberikan oleh Ibn 'Āshūr dan Alāl al-Fāsī menjadi satu definisi lain yang lebih komprehensif. Menurut beliau, Maqasid Syariah merupakan hikmah dan segala perhatian yang dapat dilihat pada hukum-hakam yang disyariatkan pada keseluruhannya atau sebahagian besar atau ia adalah rahsia-rahsia yang syarak letakkan pada setiap hukum.

Perbincangan Maqasid Syariah tidak berhenti sekadar pada pembukuan ilmu maqasid secara teoritikal. Malah, perbincangan ini juga mendapat tempat dalam kalangan ahli akademik yang menjalankan kajian terhadap Maqasid Syariah dan aplikasinya terhadap hukum-hakam. Sebagai contoh, Dr. Muhammad Sa'ad al-Yūbī (1998) dengan bukunya berjudul *Maqāsid Shar'iyyah Islamiyyah wa 'Alaqatuhā bi al-Adillah al-Shar'iyyah* yang merupakan penulisan hasil kajian di peringkat doktor falsafah. Menurut al-Yubi, beliau berpandangan bahawa Maqasid Syariah merupakan makna atau hikmah yang dijaga oleh pembuat syarak sama ada pada pensyariatan secara khusus atau umum bagi memastikan maslahah terhadap makhluk.

Maqasid Syariah boleh dirumuskan sebagai hikmah dan makna yang perlu disingkap oleh pengkaji untuk memperoleh pengetahuan tentang rahsia disebalik pensyariatan hukum baik dari segi hukum *taklif* dan *wad'i*. Tambahan, kefahaman yang utuh terhadap Maqasid Syariah membantu mana-mana pihak mentafsirkan nas-nas agama dengan tepat untuk mencapai kehendak agama (Ahcene Lahsasna, 2013).

### **Prinsip Keadilan Dalam Hukum Syarak**

Syariat yang diutuskan oleh Allah SWT kepada umat ini melalui perantaraan Nabi Muhammad SAW merupakan anugerah terbesar kurniaan-Nya. Syariat ini bertujuan menyelamatkan umat manusia daripada kesesatan dan berlaku kezaliman. Banyak iktibar daripada kisah umat terdahulu yang diazab oleh Allah SWT disebabkan kelakuan berbuat zalim dan meninggalkan keadilan. Demikian itu, agama datang bersama nilai keadilan dalam semua urusan. Melampaui batas dalam perkara ibadah merupakan satu bentuk kezaliman yang ditegah agama (Ibn Taimiah, 1980, 63).

Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُحَرِّمُوا طَيَّبَاتٍ مَا أَحَلَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا  
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُ الْمُعْتَدِلِينَ﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.* (*Al-Ma''idah*: 87)

Memandangkan syariat Islam datang daripada Allah SWT Yang Maha Adil, maka begitu juga syariat-Nya (al-Ashqar, 1982, 72).

Firman Allah SWT:

﴿وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا﴾

Maksudnya: *Rabbmu tidak pernah menzalimi sesiapa pun* (al-Kahf: 49).

Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah tidak berlaku zalim walau sebesar zarah* (al-Nisa: 40).

Berdasarkan nilai keadilan yang ada bersama syariat Islam, tiada sebarang prinsip perundangan syariat yang cenderung untuk menyebelahi penghukum tanpa meraikan maslahah penerima hukuman. Bahkan ia tidak memberikan sebarang hak kepada lelaki sehingga akan menzalimi wanita (al-Ashqar, 1982, 72). Begitu juga tiada perundangan yang menyebelahi pihak wanita tanpa mengambil kira hak-hak lelaki. Perundangan ini seiring dengan kehendak agama yang meraikan penjagaan hak kepada manusia sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang (Bin Bayah, 2013).

Oleh itu, nilai keadilan dalam perundangan Islam boleh difahami sebagai sesuatu yang berada di pertengahan antara *ifraṭ* (melampaui batas) dan *tafrīṭ* (pengabaian), iaitu dengan berada di bahagian yang lurus dan cenderung kepada kebenaran (al-Jurjānī, 2007, 124). Dalam al-Quran, dinyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan agar manusia menunaikan hak mereka secara adil dan berbuat ihsan.

Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۝ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah SWT menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan*

*larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya (al-Nahl: 90).*

Para sarjana memiliki takwilan yang berbeza bagi perkataan ‘adil’ dan ‘ihsan’ dalam ayat di atas (al-‘Awwā, 2016, 22). Menurut al-Tabarī (2012), perkataan ‘adil’ merujuk kepada tidak mensyirikkan Allah SWT, manakala perkataan ‘ihsan’ merujuk kepada menunaikan hak-hak kefarduan yang ditetapkan oleh Allah SWT. Bedasarkan tafsiran berikut, prinsip adil dan ihsan dalam agama merujuk kepada perbuatan insaf, iaitu mengakui nikmat yang dianugerahkan kepada manusia dan menzahirkan rasa syukur kepada pemberi nikmat itu (al-‘Awwā, 2016, 23). Oleh itu, sebagai manusia, cara untuk membuktikan rasa syukur kepada Allah SWT adalah dengan melakukan sesuatu dalam pertimbangan keadilan dan menjauhi perbuatan zalim.

### **Perlaksanaan Maqasid Keadilan Dalam Isu Tuntutan Harta Sepencarian**

Merujuk kepada isu teks wahyu dan akal, di dalam tradisi teologi Islam terdapat perbahasan yang penting mengenai nilai etika dalam perbuatan manusia (Ahmad Badri Abdullah, 2018, 3). Hal ini kerana, objektif besar perutusan Nabi Muhammad SAW adalah untuk menyempurnakan akhlak umat manusia.

Sabda Rasulullah SAW (al-Bukhari, no 273):

«إِنَّمَا بَعَثْتُ لِأَقْمَمَ صَاحِبَ الْأَخْلَاقِ»

Maksudnya: *Sesungguhnya saya diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik.*

Berdasarkan nilai konsistensi agama yang memerintahkan agar beretika dalam setiap urusan sama ada ibadah atau mualamat, maka prinsip keadilan ini diketengahkan agar manusia sentiasa berada dalam laluan yang menepati kriteria agama.

Dalam usaha memastikan etika keadilan dalam isu harta sepencarian dapat dilaksanakan, beberapa isu boleh diambil perhatian.

### 1. Kaedah *Sulh*

*Sulh* menurut istilah syarak difahami sebagai suatu perjanjian yang dimeterai bagi menyelesaikan perselisihan dan pertikaian di antara pihak-pihak yang beragama Islam (<http://www.esyariah.gov.my/>). Objektif daripada *sulh* adalah bagi mengadakan majlis rundingan terpimpin secara rasmi yang diatur oleh mahkamah berdasarkan prosedur tertentu , dan seandainya perdamaian tercapai, ianya akan dikeluarkan sebagai suatu perintah mahkamah tanpa perlu melalui proses perbicaraan biasa (<http://kelantan.jksm.gov.my/>).

Cadangan *sulh* ini telah diperuntukkan dalam al-Quran seperti mana yang Allah SWT berfirman:

﴿وَالصُّلْحُ خَيْرٌ﴾

Maksudnya: *Kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai.* (al-Nisa: 128)

Selain itu, galakan untuk mengadakan *sulh* juga disokong oleh ucapan Nabi Muhammad SAW yang menggalakkan umatnya untuk membuat perdamaian. Sabda Raslullah SAW (al-Tirmizi, 1999, no 1352):

«الصلح جائز بين المسلمين إلا صلحًا حراماً أو أحل حراماً»

Maksudnya: *Perdamaian antara orang-orang Islam diharuskan, kecuali perdamaian yang mengharamkan apa yang telah halal atau menghalalkan apa yang telah haram.*

Dalam konteks perundangan Islam di Malaysia, *sulh* boleh dicadangkan kepada pihak-pihak yang berselisih dalam isu pembahagian harta sepencarian. Ia termasuk dalam kes-kes tuntutan Mal atau permohonan di Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah yang boleh diselesaikan melalui majlis *sulh* ([www.mahsyariahmelaka.gov.my](http://www.mahsyariahmelaka.gov.my)). Penggunaan kaedah *sulh* di Mahkamah Syariah telah pun dilakukan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Manual *sulh* telah pun diterbitkan pada 2002 (Nur Khalidah Dahlan et.al, t.th, 6). Di sebahagian negeri dalam Malaysia, sebagai

contoh negeri Selangor telah mula perkenalkan *sulh* pada tahun 2011 (Hammad Mohamad Dahlan, 2014, 562).

Sekiranya diperhatikan, konsep *sulh* ini bertepatan dengan nilai keadilan bagi syariat peruntukkan. Hal ini kerana, dalam tempoh rundingan antara pihak yang bertelingkah, kedua-dua pihak memiliki satu tempoh untuk mengadakan muafakat dan persetujuan bersama mengenai hak-hak sepatutnya dalam pemilikan harta. Dengan itu, muafakat yang dicapai adalah daripada sikap saling meredai antara dua pihak.

Objektif utama *sulh* agar mewujudkan perdamaian antara dua pihak ini menepati dengan konsep keadilan yang membawa kepada kemaslahatan bersama dan mengelakkan daripada berlakunya persengketaan yang berpanjangan. Jika *sulh* tidak dimanfaatkan dengan baik, kesannya harta sepencarian menjadi satu masalah yang sangat susah dan rumit untuk diselesaikan oleh mana-mana pihak terutamanya pihak mahkamah (Suwaid Tapah, 2003, 46).

Dengan adanya solusi persengketaan antara dua pihak, maka pihak yang bertelingkah mampu untuk memendekkan tempoh perbicaraan yang memakan masa yang lama dan kos yang tinggi. Kos upah guaman yang tinggi juga antara faktor yang menyebabkan pihak tertentu merasakan prosedur mahkamah sangat sukar (Nur Khalida et.al, t.th, 2). Keadaan ini juga menyalahi konsep keadilan agama yang memberikan setiap daripada individu hak-hak yang sepatutnya. Oleh itu, *sulh* perlu lebih diketengahkan kepada masyarakat agar kefahaman terhadap konsep ini terus meningkat seiring dengan kesedaran mereka. Persepsi masyarakat di Malaysia bahawa setiap permasalahan yang berlaku dalam keluarga perlu diselesaikan di Mahkamah Syariah dan perlu untuk melantik peguam bagi menyelesaikan masalah hakikatnya tidak begitu tepat dengan prinsip keadilan kerana terdapat cara lain yang lebih memudahkan. Oleh itu, pihak bertikai boleh untuk dapatkan pendapat di kaunter pendaftaran daripada pihak berkenaan (Hammad Mohamad Dahalan, 2014, 565).

Dengan adanya inisiatif *sulh* atau kaedah rundingan secara terpimpin, maka banyak pihak yang dapat merasakan kebaikan di samping objektif daripada kedua-dua pihak dapat dicapai dengan kata sepakat dan reda-meredai. Bahkan, semenjak kaedah *sulh* diperkenalkan, banyak kes dapat diselesaikan di luar mahkamah. Di Selangor, semenjak Mei hingga Disember 2012, daripada 803 kes yang dirujuk kepada Pegawai Sulh, 492 (61.7%) berjaya diselesaikan, 235 kes (29.26%) dibawa ke hadapan hakim untuk perbicaraan dan baki 76 kes (9.46%) masih dapat proses *sulh* (Mohd Fuad Saleh, t.th, 5). Ini menunjukkan keberkesanan kaedah rundingan yang dianjurkan oleh pihak mahkamah.

## 2. Pembahagian harta sepencarian

Dalam isu tuntutan terhadap harta sepencarian yang diperoleh bersama sewaktu tempoh perkahwinan yang sah sama ada tuntutan tersebut dibuat di Mahkamah Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, satu isu berkenaan penilaian pertimbangan keadilan perlu diperhalusi.

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, wanita memiliki hak sepenuhnya ke atas pemilikan harta mereka secara khusus. Oleh itu, pemilikan harta mereka tidak boleh diceroboh atau dikhianati (al-Zarqa, 2012, 465). Dalam konteks negara Malaysia, pemilikan khas wanita kepada harta diiktiraf melalui Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak individu untuk memiliki harta. Dalam Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

*Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.*

*Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi.*

Berbalik kepada fundamental di sebalik mengapa amalan harta sepencarian diangkat sebagai sebuah perundangan yang sah adalah disebabkan ia merupakan faktor yang melindungi wanita setelah hilang tempat pertanggungan perbelanjaan yang sebelum perceraian ditanggung oleh suami melalui pemberian nafkah dan belanja harian. Selain itu, harta

sepencarian juga merupakan tanda kepada meraikan hak-hak wanita dalam pemilikan bersama harta yang diperoleh semasa perkahwinan. Berbeza dengan *Common Law* yang memperuntukkan bahawa isteri yang memiliki suami tidak berhak terhadap pemilikan apa-apa harta (Shamsudin Suhor, 2007, 185, dalam Mohd Nurhusairi Mat Hussin dan Mohd Hafiz Jamaluddin, 2016, 91). Oleh itu, sumbangan-sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung perlu diambil kira semasa proses pembahagian hak dalam harta sepencarian.

Dalam kes *Norhayati binti Yusoff lawan Ahmad Shah bin Ahmad Tabrani*, perayu merupakan suri rumah sepenuh masa, manakala responden merupakan bekerja sebagai jurutera. Perayu telah membuat rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah Kota Baru, Kelantan disebabkan tidak berpuas hati terhadap keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (JH 27 BHG 1, 2009, 34). Mahkamah Tinggi telah menolak kesemua tuntutan pihak perayu pada waktu itu dan memutuskan 1/4 daripada nilai rumah yang beralamat di Kuala Lumpur yang bernilai RM 280,000 perlu dibayar kepada pihak perayu.

Setelah mengambi kira takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperoleh aset, kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga serta keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan, maka Mahkamah Rayuan Kota Baru memutuskan agar pihak yang membuat rayuan mendapat 1/3 daripada nilai harta tidak alih seperti sebuah rumah teres dua tingkat yang beralamat di Kuala Lumpur yang bernilai RM 280,000. Oleh itu, sebanyak RM 93,334 yang dianggap sebagai harta sepencarian menjadi hak milik perayu.

Dalam kes ini, seharusnya sumbangan pihak yang tidak memperoleh harta perlu diambil kira dengan lebih serius. Tambahan, pihak perayu merupakan suri rumah yang tidak memiliki sumber pendapatan yang konsisten. Oleh itu, keputusan yang dibuat seharusnya lebih menitik beratkan soal nilai keadilan agar kebajikan wanita lebih terjaga seiring dengan asbab utama amalan dan perundangan harta sepencarian ini. Keputusan yang dibuat tanpa mengambil kira faktor

dorongan atau keadaan tertentu terutama melibatkan keadaan isteri telah menyebabkan timbulnya kritikan daripada pihak tertentu (Sayed Sikandar Shah Haneef dan Mek Wok Mahmud, 2009). Demikian itu, penambahbaikan aspek ini amat dialukan demi kemasalahan kehidupan pasca perceraian, kematian suami atau sewaktu isteri menerima amalan poligami suami.

### 3. Tuntutan melampaui batas

Selain daripada pemerhatian secara halus terhadap implementasi nilai keadilan dalam isu harta sepencarian dalam kes pembahagian harta, tuntutan-tuntutan yang berbaur melampaui batas juga perlu diambil kira. Hal ini kerana perbuatan melampaui batas merupakan sesuatu yang ditentang oleh prinsip agama. Walaupun teks-teks wahyu seperti al-Quran secara jelas menyebutkan mengenai hak individu kaum wanita (Asghar Ali Engineer, t.th, 144), namun ini tidak bermakna hak-hak gender yang berlainan ternafi. Hal ini kerana syariah mengangkat autonomi individu dalam perundangan dan menuntut agar berlakuimbangan antara individu (Mohammad Hashim Kamali, 2006, 43). Oleh itu, berdasarkan konsep keadilan yang diketengahkan oleh syariat, penindasan tidak boleh berlaku disebabkan ingin mengangkat suatu pihak.

Dalam kes *Maimun binti Mohammad Zain lawan Mohammed Azmi bin Mohd Said*, plaintif telah membuat tuntutan harta seperti wang pampasan, semua elaun dan wang tabungan tamat perkhidmatan pihak defendant. Plaintiff juga telah menuntut kereta Proton Waja yang merupakan harta sepencarian dan dibahagikan separuh kepada pihak defendant (JH 21 BHG 21, 2006, 43-44). Sekiranya dilihat pada tuntutan yang dibuat, dapat dilihat bahawa terdapat unsur-unsur melampaui batas. Hal ini kerana tuntutan harta sepencarian yang dibuat tidak menepati definisi harta sepencari yang telah dinyatakan. Jelas bahawa harta-harta yang dituntut merupakan harta yang tidak mengandungi sebarang sumbangan daripada satu pihak yang lain. Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah menolak tuntutan wang pampasan, semua elaun dan wang tabungan tamat perkhidmatan yang dibuat oleh plaintif.

Walaupun tuntutan plaintiff ditolak, namun dalam kes ini, pihak plaintiff tidak wajar disalahkan sepenuhnya. Hal ini kerana seharusnya pihak yang mewakili plaintiff perlu lebih cakna akan prosedur perundangan Malaysia agar salah faham dapat dielakkan. Tambahan, pihak yang mewakili plaintiff perlu memikirkan kesan yang akan berlaku terutama apabila melibatkan isu-isu yang menyentuh prinsip asas syariah.

### **Penutup**

Sebagai sebuah badan perundangan yang sah di Malaysia, dicadangkan agar pihak mahkamah lebih berhati-hati dalam soal penetapan hak-hak pembahagian harta sepencarian. Keadaan isteri yang memerlukan harta, penjagaan dan pendidikan anak-anak, tempat perlindungan perlu diambil kira sebagai faktor yang mempengaruhi sewaktu proses penetapan bahagian dalam penetapan harta sepencarian. Maqasid keadilan perlu difahami dengan lebih mendalam. Maqasid keadilan bukan sekadar membahagikan hak sama rata antara pihak-pihak berkenaan, Lebih dari itu, maqasi keadilan menjadi keperluan agar hak-hak yang diterima menepati keperluan pihak-pihak berkenaan. Selain itu, maqasid keadilan juga boleh dicapai tanpa melibatkan proses perbicaraan yang panjang lebar di mahkamah. Islam memperuntukkan *sulh* agar permusuhan dapat dielakkan antara pihak-pihak yang bertelingkah. Permusuhan yang berpanjangan merupakan larangan yang ditegah dalam ajaran agama kerana ia membawa kepada terjadinya terputus hubungan silaturrahim antara anak-anak Adam. Selain itu, *sulh* juga memberikan jalan keluar kepada pihak-pihak yang kurang berkemampuan agar dapat menjimatkan kos khidmat guaman untuk perbicaraan lanjut di mahkamah. Dalam keadaan tersepit wang ringgit, perkhidmatan guaman akan mengakibatkan pihak-pihak berkenaan perlu menampung beban tambahan. Perkara ini merupakan suatu perbuatan yang jauh dari sudut nilai keadilan yang diperjuangkan oleh syarak.

Oleh itu, dalam usaha meleraikan kes-kes yang melibatkan tuntutan harta sepencarian, nilai keadilan perlu dititik beratkan agar

setiap kasus yang diputuskan lebih dekat dengan nilai baik yang dianjurkan oleh syarak.

### Pengakuan

Artikel ini dihasilkan di bawah gran penyelidikan tajaan Yayasan Bukhary, ID: SP 18-117-0379, The Local Fiqh Framework in Malaysia: Identifying its Characteristics in Islamic Family Law. Para penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak penaja atas penganugerahan gran tersebut.

### BIBLIOGRAFI

- Abdullah, Mukhtar. (2014). *Harta Sepencarian dan Hak Wanita*. Dungun: Skybiz Resources.
- Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muhammad. (2007). *Al-Ta‘rifat*, Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Abd Ghadas, Zuhairah Ariff., Ibrahim, Norliah. (2007). “Right of Participation in Business as Matrimonial Property: The Malaysian Experience”, *IIUM Law Journal*, vol. 15, no. 1, 2007.
- Abdullah, Ahmad Badri. (2018). *Maqasid Syariah: Antara Nas dan Maslahah Suatu Pendekatan Sistem*. Nilai: Ilham Books.
- Abdullah, Luqman., Rosele, Muhammad Ikhlas. (2019). “Faraid dan Falsafahnya Menurut al-Quran dan Hadis”, *Faraid dan Perancangan Warisan*, Kuala Lumpur: IKIM Press.
- Al-‘Awwā, Muhammad Salim. (2016). *Maqsad al-‘Adl fi al-Qur’ān al-Karīm*. London: Muassasah al-Furqān li al-Turāth al-Islāmi.
- Al-Ashqar, Umar Sulayman. (1982). *Khasais al-Shari‘ah al-Islamiyah*. Kuwait: Maktabah al-Falah.

Al-Bukhārī, Muhammad. (2009). *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam.

Al-Fasi, 'Alal. (2013). *Maqasid as-Syariah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Kaherah: Dar al-Salam.

Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Tusi. (2012). *Al-Mustasfa fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Al-Juwaini, Abdul Malik bin Abdullah. (1997). *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Al-Qaradawi, Yusof. (2007). *Mujibat Taghyir Al-Fatwa*. Saint Denis: Maktab Lajnah Al-Ta'lif wa Al-Tarjamah.

Al-Qarālah, Yasin. (2014). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha al-Fiqhiah wa al-Qanuniah*, Amman: Al-Akdimiyun li al-Nashar wa al-Tawzi'.

Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Gharnati. (2006). *Al-Muafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Al-Tabārī, Muhammad bin Jarir. (2012). *Al-Jami' fi Ta'wil Ay al-Quran*. Damsyiq: Dar al-Qalam.

Al-Yubi, Muhammad Sa'ad. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'Alaqatuha bi al-Adillah al-Shari'iyah*.

Al-Zarqa', Ahmad. (2012). *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Damsyiq: Dar al-Qalam.

Al-Zuhayli, Wahbah. (2015). *Usul al-Fiqh al-Islamī*. Beirut: Dar al-Fikr.

Dahlan, Hammad Mohamad. (2014). "081 Pengurusan Sulh: Peranan, Perlaksanaan dan Keberkesanannya oleh Pegawai Sulh",

*International Research Management and Innovation Conference (IRMIC 2014)*, Kuala Lumpur 17-18 November 2014.

Dahlan, Nur Khalidah., Palil, Mohd Rizal., Yaakub, Noor Inayah., Abdul Hamid, Mohamad. (2018). ejournal.ukm.my. Akses pada 12 Februari 2020.

FINRA. <https://www.finra.org/>. Akses pada: 12 Februari 2020.

Ghazali, Mohd Rumaizuddin. (t.th). *Kepentingan Maqasid Syariah Dalam Berfatwa Di Malaysia*. Jurnal Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa. Nilai: INFAD, USIM.

Hajjaj, Muslim. (1999). *Sahih Muslim*. Riyad: Dar al-Salam.

Ibn ‘Ashur, Muhammad bin Tahir. (2013). *Maqasid al-Shar‘iyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.

Ibn Taimiah, Ahmad. (1980). *Haqīqatul al-Saum*. Amman: al-Maktab al-Islamī.

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. <http://www.esyariah.gov.my/>. Akses pada: 12 Februari 2020.

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. <http://kelantan.jksm.gov.my/>. Akses pada: 12 Februari 2020.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <http://e-muamalat.islam.gov.my/>. Akses pada: 12 Februari 2020.

Jamaludin, Mohd Hafiz., Mat Hussin, Mohd Norhusairi., Ramli, Mohd Anuar. (2014). “Pemakaian Instrumen Istihsan dengan ‘Urf (al-Istihsān bi al-‘Urf) dalam Amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia”, *‘Ulum Islamiyyah Journal*, vol. 14, Disember, 2014.

Jusoh, Ahmad Tarmizi. (2019). *Harta Sepencarian Menurut Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

Kamali, Mohammad Hashim. (2006). *An Introduction to Shari‘ah*. Petaling Jaya: Ilmiah Publisher.

Mahkamah Syariah Melaka. [www.mahsyariahmelaka.gov.my](http://www.mahsyariahmelaka.gov.my). Akses pada: 12 Februari 2020.

Majalan Labur. [majalahlabur.com](http://majalahlabur.com). Akses pada: 12 Februari 2020.

Mat Hussin, Mohd Nurhusairi., Abdullah, Raihanah. (2016). “Amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia: Satu Sorotan Literatur”. *Journal of Shariah Law Research*, vol. 1, 2016.

Mat Hussin, Mohd Nurhusairi., Jamaludin, Mohd Hafiz. (2016). “Harta Sepencarian vs Harta Perkahwinan dalam Perundangan Sivil: Satu Sorotan Ringkas”, *Al-Basirah*, vol. 6, no. 1, Disember 2016.

Mohd Syahid, Muallimin. (2016). “Shar‘yyatul al-Mal al-Mushtarak baina al-Zawjain fi al-Fiqh al-Islami wa al-Qanun al-Maliziy”, *Malaysian Journal of Syariah and Law*, vol. 4, 2016.

Musaddad, Taufiq. (t.th). *Harta Sepencarian Menurut Perspektif Islam*. <http://e-muamalat.islam.gov.my/>. Akses pada: 12 Februari 2020.

Noor Hisham, Muhammad Khairul Hafiz., Ramli, Mohd Anuar., Syed Jaafar, Syed Mohd Jeffri. (2019). *Unsur Kearifan Tempatan Dalam Seni Persembahan Melayu-Islam: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam*, Jurnal Fiqh, vol. 16, no. 2, 2019.

Salleh, Mohd Fuad. (t.th). “Konflik Keluarga Islam dan Penyelesaiannya di Mahkamah Syariah di Selangor”. [www.researchgate.net](http://www.researchgate.net). Akses pada 12 Februari 2020.

Shah Haneef, Sayed Sikandar., Mahmud, Mek Wok. (2009). "Muslim Women Under Islamic Family Laws: Problems and Prospects For Reforming The Codified Fiqh, ed: Hassan Ahmad Ibrahim dan Zaleha Kamaruddin, *Muslim Women in Contemporary Societies Reality and Opportunities*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Sitiris, Miszairi., Halim., Akmal Hidayah. (2010). "Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Kes Kematian", *Kanun*, 22, 1, Mac 2010.

Suwaid Tapah. (2003). "Konsep dan Amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia", dalam *Harta Sepencarian Prosiding Ex-Parte Perintah Injuksi*. Gombak: Pusat Undang-Undang UIAM.

**KES-KES RUJUKAN**

*Ahmad Fikri bin Ali Hanafiah lawan Fauziah binti Khamis*

*Hajjah Lijah binti Jamal lawan Fatimah binti Mat Diah*

*Noraishah bt. Ahmad lawan Omar bin Jusoh & 6 yang lain*

*Norayah binti Bakar lawan Mohd Adnan bin Mohd Amin*

*Robert lawan Umi Kalthum*